

MAHATHIR - PEMBANGUNAN

PASIR MAS, 28 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN PUSAT MEMANG SENTIASA BERHASRAT UNTUK MEMBANTU MEMBANGUNKAN NEGERI KELANTAN YANG AGAK KETINGGALAN BERBANDING DENGAN NEGERI-NEGERI LAIN.

MALANGNYA, MENURUT PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI, USAHA ITU SENTIASA DIHALANG OLEH PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG Mencari kepentingan diri.

HASRAT KERAJAAN TIDAK ADA LAIN HANYA HENDAK MEMBANTU RAKYAT TERUTAMA DI KAWASAN LUAR BANDAR YANG BANYAK TERDAPAT PENDUDUK MISKIN, KATANYA KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS MENANAM POKOK BUAH-BAUHAN PROJEK PEMULIHAN KEBUN TERBIAR DI KAMPUNG BANGGOL CHE WAN, MERANTI DI SINI.

PADA MAJLIS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR DAN MENTERI BESAR TAN SRI MOHAMED YAACOB MASING-MASING MENANAM SEPOHON POKOK DURIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BANTUAN KERAJAAN DALAM BENTUK LANGSUNG KEPADA RAKYAT TERMASUKLAH SUBSIDI, POKOK BUAH-BAUHAN DAN TERNAKAN SEPerti LEMBU MANAKALA BANTUAN TIDAK LANGSUNG PULA TERMASUK JALAN RAYA, JAMBATAN DAN MASJID. -- LAGI.
1433MST 28 06 90

D803

U B082 DEB

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 2 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DISEBABKAN FAHAMAN POLITIK YANG BERBEZA DAN PERPECAHAN DI KALANGAN MASYARAKAT, KADANG-KADANG BANTUAN ITU TIDAK SAMPAI KEPADA RAKYAT.

BELIAU BERKATA KRISIS POLITIK DI KAMPUNG-KAMPUNG SEUMPAMA ITU TIDAK MENDATANGKAN APA-APA FAEDAH KEPADA RAKYAT.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN PUSAT AKAN MENDAPATKAN SEDIKIT CUKAI DARI NEGERI YANG AGAK KAYA SEPerti TERENGGANU, JOHOR ATAU SELANGOR UNTUK MEMBANTU NEGERI-NEGERI YANG KURANG MAJU SEPerti KELANTAN.

BELIAU BERKATA, BANTUAN SUMPAMA ITU MUNGKIN SUKAR DILAKUKAN JIKA KERAJAAN PUSAT TIDAK +SEBULU DENGAN KERAJAAN NEGERI.+

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENASIHATI PENDUDUK KAMPUNG MENGEKALKAN KEADAAN HARMONI DI KAMPUNG-KAMPUNG, WALAUPUN MEREKA MEMPUNYAI FAHAMAN POLITIK YANG BERBEZA. -- LAGI.
1456MST 28 06 90

D809

U B086 DEB

MAHATHIR - PEMBANGUNAN 3 PASIR MAS

SEBELUM ITU, KETIKA BERUCAP KEPADA PENDUDUK DI KAMPUNG HUTAN PASIR SEMPENA LAWATANNYA KE BENGKEL MEMPROSES MAKANAN DI KAMPUNG BERKENAAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MENJALANKAN PELBAGAI PROMOSI UNTUK MEMAJUKAN BARANGAN TEMPATAN TERMASUK KRAFTANGAN.

BELIAU BERKATA PROMOSI ITU DILAKUKAN SECARA BESAR-BESARAN BAGI PASARAN DALAM DAN LUAR NEGERI.

LANGKAH ITU DIBUAT KERANA KERAJAAN SEDAR BAHAWA HASIL KRAFTANGAN AKAN DAPAT MENINGKATKAN PENDAPATAN RAKYAT SERTA MEMBASMI KEMISKINAN, LEBIH-LEBIH LAGI KELANTAN, YANG PENDUDUKNYA TERKENAL DALAM BIDANG PERNIAGAAN DAN UKIRAN, TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA, BAGAIMANAPUN USAHA KERAJAAN SEMATA-MATA TIDAK AKAN MENCUKUPI TANPA KERJASAMA YANG GIGIH DARI RAKYAT. -- BERNAMA.